



**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI SARAWAK
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN GRED
H1 (KONTRAK)**

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 **Agensi** : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak
- 1.2 **Jawatan** : Pembantu Khidmat Am
(Penolong Guru Tabika Perpaduan)
- 1.3 **Gred Jawatan** : H1
- 1.4 **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
- 1.5 **Taraf Jawatan** : Kontrak
- 1.6 **Bilangan Kekosongan** : Tujuh (7)
- 1.7 **Tempat Kekosongan** : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak

2. JADUAL GAJI

: RM1,500.00 – RM4,680.00

3. ELAUN

: Imbuhan Tetap Perumahan :RM300.00
(ITP)
Imbuhan Tetap Khidmat :RM115.00
Awam (ITKA)
Bayaran Imbuhan Wilayah :RM270.00
(BIW)

4. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon hendaklah memenuhi syarat seperti berikut:

- 4.1 Warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 4.2 Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM; dan
- 4.3 Memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus (Gred E) dalam satu peperiksaan SPM; atau
- 4.4 Memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus (Gred E) yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

5. DESKRIPSI TUGAS

- 5.1 Membantu Guru menjalankan tugas Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di tabika;
- 5.2 Menyediakan makanan berkhasiat untuk murid-murid mengikut panduan makanan yang betul serta menu yang telah ditetapkan;
- 5.3 Memastikan tabika berada dalam keadaan bersih, kemas, selamat dan teratur; dan
- 5.4 Membantu Guru membimbing murid semasa menjalankan aktiviti harian di tabika supaya mereka dapat melibatkan diri secara aktif serta tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

6. CARA MEMOHON

- 6.1 Permohonan hendaklah dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web JPNIN di <https://www.jpnin.gov.my/> (Perkhidmatan> Borang) berserta gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan)
- 6.2 Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 18, Peraturan –peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- 6.3 Borang permohonan hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen sokongan yang berikut dan **DISAHKAN** oleh Pegawai Kerajaan yang menjawat jawatan Kumpulan 'A'/Gred 9 ke atas/Penghulu/Ketua Kampung:
 - i. Salinan Kad Pengenalan
 - ii. Salinan Sijil Kelahiran/ Surat Beranak
 - iii. Salinan Sijil Akademik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setara
- 6.4 Borang permohonan berserta dokumen sokongan yang telah disahkan perlu dikemukakan secara pos atau secara serahan tangan ke alamat seperti berikut:

Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Negeri Sarawak
Tingkat 9, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga, Peti Surat 2384
93300 KUCHING SARAWAK

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada talian 082-241628 atau email ke ppnsrwk@perpduan.gov.my

8. TARIKH TUTUP : 14 APRIL 2026

- 8.1 Permohonan berikut **AKAN DITOLAK**
 - i. TIDAK lengkap / TIDAK jelas;
 - ii. TIDAK memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - iii. TIDAK disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
 - iv. TIDAK menandatangani borang permohonan;
 - v. TIDAK mengikut Peraturan 18 Bab 'A' P.U.(A)/2012 bagi calon yang sedang berkhidmat.
- 8.2 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temu duga. **Calon-calon yang tidak dihubungi selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.**
- 8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah tanggungan sendiri dan jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

TARIKH DISIARKAN : 01 APRIL 2026